



PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
(SELANGOR STATE TREASURY)
TINGKAT 2, 8-12
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
40592 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA

selangorku



CERTIFIED TO MS ISO 9001 : 2008
CERT. NO. : AR 1905

“KEJUJURAN DAN KETEKUNAN”

Rujukan Kami : PWN.Sel.109 Jld 9 (19)
Tarikh : 14 Ogos 2014

Semua Ketua Jabatan Negeri
Selangor Darul Ehsan

YB Dato'/YAA Dato'/YBhg Dato' Setia/Dato'/Tuan/Puan,

1PEKELILING PERBENDAHARAAN

Saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan, Kementerian Kewangan Malaysia telah mengeluarkan satu surat arahan berkenaan penguatkuasaan 1Pekeliling Perbendaharaan mulai 3 Julai 2014 bagi menggantikan semua Pekeliling Perbendaharaan, Surat Pekeliling Perbendaharaan, Pekeliling Kontrak Perbendaharaan dan Surat Arahan Perbendaharaan yang dikeluarkan sebelum ini. Dengan penguatkuasaan ini, semua Pekeliling Perbendaharaan, Surat Pekeliling Perbendaharaan, Pekeliling Kontrak Perbendaharaan dan Surat Arahan Perbendaharaan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia sebelum ini adalah dibatalkan.

3. Bersama-sama ini disertakan surat berkenaan 1Pekeliling Perbendaharaan daripada Kementerian Kewangan Malaysia untuk rujukan YB Dato'/YAA Dato'/YBhg Dato' Setia/Dato'/Tuan/Puan. 1Pekeliling Perbendaharaan boleh dicapai, dimuat turun dan dicetak secara atas talian melalui portal rasmi Perbendaharaan Malaysia iaitu www.treasury.gov.my.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(DATO' NOORDIN BIN SULAIMAN)
D.P.M.S, S.I.S.

Pegawai Kewangan Negeri
Selangor Darul Ehsan



No. Telefon : 603-5544 7000
No. Faks : 603-5510 6255 (YB. PWN),
603-5512 1049 (TPWN)
603-5512 1054 (Bendahari Negeri),
603-5544 7297 (Belanjawan)
Emel : admin.pwn@selangor.gov.my
Laman Web : <http://pwn.selangor.gov.my>



KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan/Negeri
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Eksekutif Badan Berkanun Persekutuan/Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YB/YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato' Seri/Dato'/Tuan/Puan,

1PEKELILING PERBENDAHARAAN (1PP)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YB/YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato' Seri/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 1 Julai 2011 telah memutuskan supaya semua agensi Kerajaan mengkaji semula semua pekeliling yang dikeluarkan bagi memastikan pekeliling-pekeliling tersebut masih kekal relevan, di samping mengurangkan bilangan pekeliling yang sedia ada.

3. Selaras dengan keputusan ini, Perbendaharaan telah menyempurnakan inisiatif pemurnian semua pekeliling, surat pekeliling, pekeliling kontrak dan surat arahan yang sedia ada dan menggantikannya dengan satu dokumen versi baru yang dikenali sebagai 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) dan mempunyai ciri-ciri utama berikut:


- i. Boleh dicapai, dimuat turun dan dicetak secara atas talian melalui portal rasmi Perbendaharaan (www.treasury.gov.my);
- ii. Bertindak sebagai suatu pusat sehati dan rujukan mudah bagi sesuatu bidang atau topik;
- iii. Menetapkan nombor rujukan 1PP yang baharu bagi menggantikan nombor rujukan pekeliling yang lama;
- iv. Mempunyai arkib sebagai rujukan mudah bagi semua pekeliling yang lama.

4. Versi 1PP ini berkuat kuasa mulai **3 Julai 2014**. Dengan ini, semua Pekeliling, Surat Pekeliling, Pekeliling Kontrak dan Surat Arahan Perbendaharaan yang dikeluarkan sebelum ini adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah)
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

19 Jun 2014

s.k.

Ketua Setiausaha Negara
Ketua Audit Negara
Akauntan Negara Malaysia
Semua Pegawai Kewangan Negeri

PENDAHULUAN

1. 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) merupakan peraturan kewangan dan perakaunan dalam pengurusan kewangan Kerajaan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan di bawah Seksyen 4 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. 1PP bertujuan untuk memberi garis panduan dan maklumat, serta untuk mendapat maklumat kewangan. 1PP boleh meliputi perkara-perkara di luar skop Arahan Perbendaharaan, seperti waktu jadual belanjawan.
2. 1PP ini diterbitkan bagi memurnikan dan menggantikan semua Pekeliling Perbendaharaan, Surat Pekeliling Perbendaharaan, Pekeliling Kontrak Perbendaharaan dan Surat Arahan Perbendaharaan yang dikeluarkan sebelum ini.
3. Pendahuluan ini bukan merupakan sebahagian daripada 1PP. Pendahuluan ini menekankan ciri-ciri penting dalam 1PP sebagai panduan kepada semua pegawai awam amnya dan pegawai perakaunan khususnya.
4. Seksyen 4 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan bahawa tiap-tiap pegawai perakaunan adalah tertakluk kepada Akta itu dan hendaklah menjalankan apa-apa kewajipan yang ditetapkan oleh arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan mengenai perkara tatacara kewangan dan perakaunan yang tidak bertentangan dengannya:
 - Dengan syarat bahawa seorang pegawai perakaunan Negeri adalah di samping itu tertakluk kepada apa-apa arahan Pihak Berkuasa Kewangan Negeri yang tidak bertentangan dengan yang tersebut di atas.
5. 1PP merupakan versi rasmi yang tunggal dan boleh dicapai, dimuat turun serta dicetak secara atas talian melalui laman web Perbendaharaan (www.treasury.gov.my).
6. Versi semasa 1PP dibahagikan kepada 7 bidang pengurusan kewangan utama iaitu Pengurusan Belanjawan (PB), Perolehan Kerajaan (PK), Pengurusan Wang Awam (WP), Pengurusan Aset (KP), Pengurusan Kewangan Strategik (PS), Pelaburan Strategik (PA), dan Pinjaman Perumahan (PR).
7. 1PP adalah terpakai kepada semua Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Jabatan Persekutuan dan Setiausaha Kerajaan Negeri serta semua pegawai awam dan pegawai perakaunan. Adalah menjadi tanggungjawab setiap Ketua Setiausaha, Ketua Jabatan dan Setiausaha Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa 1PP dipatuhi.
8. Semua pegawai awam dan pegawai perakaunan perlu memahirkan diri dengan 1PP. Kurang pengetahuan mengenai 1PP tidak akan diterima sebagai suatu alasan sekiranya 1PP tidak dipatuhi, atau pun jika berlakunya apa-apa kehilangan wang awam atau aset awam akibat ketidakpatuhan kepada 1PP.